

Jenis Akhbar : Kosmo
Tarikh : 22/04/2017
Edisi / Muka Surat : Nasional / 18

18 NEGARA!

KOSMO! SABTU 22 APRIL 2017

Lapan juta ahli Angkasa dapat keistimewaan perkhidmatan perubatan di THONEH

Nikmati kemudahan rawatan mata

Oleh NURUL FAIQAH
ABD. RAHMAN

PETALING JAYA – Ki-ra-kira lapan juta ahli Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd. (Angkasa) bakal menerima kad kesetiaan MyAngkasa secara percuma yang membolehkan mereka menikmati faedah perkhidmatan perubatan mata secara tetap dalam tempoh dua tahun.

Kemudahan tersebut dilaksanakan melalui kerjasama anak syarikat koperasi tersebut, MyAngkasa Holdings Sdn. Bhd. dan Hospital Mata Nasional Tun Hussein Onn (THONEH) apabila kedua-duanya memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) di sini semalam.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah



ABDUL FATTAH (tengah) menyaksikan Zaki (dua dari kiri) bertukar dokumen dengan Hanapi selepas majlis menandatangani MoU antara MyAngkasa Holdings dan THES Capital di Kelana Jaya semalam.

berkata, MoU tersebut bertujuan untuk memberikan kesedaran dan menggalakkan ahli-ahli koperasi tersebut menjalami pemeriksaan mata di THONEH.

“Ini merupakan kali pertama

Angkasa menjalinkan kerjasama dengan THONEH bagi memelihara kepentingan ahli Angkasa.

“Kerjasama itu juga sejajar dengan misi THONEH untuk mendidik rakyat me-

ngnai kepentingan penjagaan mata di samping menyediakan khidmat penjagaan kesihatan mata berkualiti,” katanya kepada pemberita selepas majlis menandatangani MoU tersebut di Auditorium Angkasa di Kelana Jaya di sini semalam.

Melalui MoU tersebut, pemegang kad MyAngkasa diberikan keistimewaan untuk mendapat rebat tunai, yuran pendaftaran pengecualian bagi perkhidmatan berjumlah RM300 ke atas dan diskaun sebanyak lapan peratus ketika menerima rawatan mata di THONEH.

Turut hadir Pengarah MyAngkasa, Datuk Hanapi Suliman dan Ketua Pegawai Eksekutif Tun Hussein Onn Eye Specialist (THES) Capital Sdn. Bhd., Zaki Mohd. Zakaria.